

# Lampiran Penerangan Produk - Pakej JMB Elite®

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Pakej JMB Elite®. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

CHUBB®

## 1. Apakah produk ini?

---

Polisi ini memberikan perlindungan insurans kepada anda bagi aktiviti anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan dan harta di bawah jagaan anda berdasarkan beberapa seksyen yang tersedia, seperti yang disebutkan dalam polisi insurans.

Insurans Semua Risiko Harta adalah seksyen wajib, dengan 7 lanjutan dan manfaat yang tersedia iaitu Kos Pembersihan, Jaminan Kesetiaan, Kerosakan Mesin, Wang, Kaca Plat, Kecurian dan Keganasan / Sabotaj Kerugian Pertama termasuk Keganasan Politik.

Polisi ini memberikan perlindungan automatik dengan sub had standard untuk Kos Pembersihan, Jaminan Kesetiaan, Kerosakan Mesin, Wang, Kaca Plat dan Kecurian. Sila rujuk perantara insurans atau hubungi kami mengenai kemungkinan sub had yang lebih tinggi berdasarkan keperluan anda.

Terdapat manfaat pilihan lain dalam Polisi ini yang boleh anda beli sebagai tambahan kepada manfaat wajib, iaitu Kerugian Turutan, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan, Indemniti Profesional, Liabiliti Amalan Pekerjaan dan Kemalangan Diri.

Pelan ini ialah pelan fleksibel yang membolehkan anda menyesuaikan polisi mengikut keperluan anda dengan sebaiknya.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

---

- **Seksyen I - Semua Risiko Harta**

Melindungi kerosakan harta yang berlaku ke atas Harta Diinsuranskan semasa Tempoh Polisi yang disebabkan oleh atau akibat daripada penyebab yang tidak dikecualikan dengan cara lain, bersama manfaat lanjutan seperti:

- Kos Pembersihan
- Jaminan Kesetiaan
- Kerosakan Mesin
- Wang
- Kaca Plat
- Kecurian
- Keganasan / Sabotaj Kerugian Pertama termasuk Keganasan Politik (pilihan)

Anda boleh melanjutkan polisi untuk merangkumi perlindungan Seksyen tambahan di bawah ini dengan membayar premium tambahan. Perlindungan yang disediakan di bawah seksyen berkenaan adalah seperti berikut:

- **Seksyen II - Kerugian Turutan**

Melindungi kehilangan tempat tinggal yang disewa atau sementara dan kehilangan bangunan yang disewa akibat kerosakan pada Harta yang Diinsuranskan disebabkan oleh atau akibat daripada kerugian/kerosakan di bawah Seksyen I. Seksyen ini juga dilanjutkan untuk melindungi pencegahan akses dan kemudahan awam.

• **Seksyen III - Liabiliti Awam**

Menanggung rugi anda bagi semua jumlah yang perlu anda bayar di sisi undang-undang berkenaan dengan:

- (a) kecederaan badan akibat kemalangan terhadap mana-mana orang;
- (b) kehilangan akibat kemalangan atau kerosakan akibat kemalangan pada harta; yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan semasa melakukan aktiviti anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan di Lokasi yang Diinsuranskan di Malaysia.

• **Seksyen IV - Liabiliti Majikan**

Melindungi liabiliti anda sekiranya berlaku Kecederaan Badan yang dialami oleh pekerja akibat kemalangan atau penyakit berkaitan pekerjaan di dalam Malaysia

• **Seksyen V - Indemniti Profesional**

Melindungi tindakan salah anda semasa menjalankan aktiviti anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan. Seksyen ini juga dilanjutkan untuk melindungi kehilangan dokumen dan Pelanggaran Privasi dan Siber yang tidak disengajakan dalam menjalankan aktiviti anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan.

• **Seksyen VI - Liabiliti Amalan Pekerjaan**

Melindungi kemungkinan pendedahan kepada anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan, berhubungan dengan masalah berkaitan pekerjaan.

• **Seksyen VII - Kemalangan Diri**

Melindungi kematian atau hilang upaya akibat kemalangan bagi semua ahli Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan (had - akan ditentukan bagi setiap orang, maksimum terhad kepada 14 orang) di Malaysia, dengan manfaat tambahan yang berkaitan dengan perlindungan kemalangan, perbelanjaan perubatan, perbelanjaan pengebumian dan ragut atau rompakan.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

---

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan kami, seksyen/manfaat yang diperlukan dan jumlah yang diinsuranskan/had yang diperlukan di bawah setiap seksyen.

**(a) Seksyen I - Semua Risiko Harta (Wajib)**

Perlindungan standard: RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM \_\_\_\_\_  
Perlindungan tambahan (lanjutan & manfaat): RM \_\_\_\_\_  
Premium Anggaran: RM \_\_\_\_\_

**(b) Seksyen Pilihan yang lain:**

Seksyen II - Kerugian Turutan  
Seksyen III - Liabiliti Awam  
Seksyen IV - Liabiliti Majikan  
Seksyen V - Indemniti Profesional  
Seksyen VI - Liabiliti Amalan Pekerjaan

Perlindungan standard: RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM \_\_\_\_\_  
Premium Anggaran: RM \_\_\_\_\_

Seksyen VII - Kemalangan Diri  
Perlindungan standard: RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM \_\_\_\_\_  
Perlindungan tambahan (lanjutan & manfaat): RM \_\_\_\_\_  
Premium Anggaran: RM \_\_\_\_\_

Polisi ini tertakluk pada premium minimum RM 75.00.

#### 4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

---

- Duti setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP) (jika berkenaan) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 15% dari premium yang dikecualikan CP

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

---

- Kepentingan pendedahan

Kewajipan pihak diinsuranskan kepada syarikat

##### 1 Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna

1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:

- (a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan
- (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
- (c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

##### 2 Kewajipan untuk bukan Polisi Insurans Pengguna

2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau
- (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

- Untuk seksyen Semua Risiko Harta, anda mesti memastikan bahawa harta atau kepentingan anda yang diinsuranskan adalah dilindungi dengan jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian atau penambahbaikan yang dibuat ke atas harta anda. Anda boleh menginsuranskan harta anda berdasarkan Nilai Pengembalian Semula (Harta Hakmilik Strata). Jumlah yang diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala agar mewakili nilai penuh untuk mengelakkan insurans berkurangan. Jika tidak, penyelesaian tuntutan akan dibuat pada Asas Purata.
- Anda mesti memaklumkan kepada perantara insurans anda atau kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting dalam tempoh polisi supaya pindaan yang perlu dapat diendorskan pada polisi anda.
- Untuk seksyen lain, perlindungan adalah berdasarkan had yang diperlukan untuk seksyen yang anda pilih.
- Deduktibel (Potongan) / lebihan adalah jumlah yang harus anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi / pengendorsan / pembaharuan. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak menerima premium pro rata untuk tempoh yang dilindungi.
- Sekiranya tuntutan dikemukakan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penanggung insurans tersebut secepat mungkin setelah Pengambil Insurans mengetahuinya.

#### 6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan tertentu, seperti:

- Kehilangan / kerosakan kandungan isi rumah;
- Kerugian / kerosakan akibat risiko tenaga Radioaktif dan nuklear;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada pemberontakan, kekecohan awam dengan anggapan bentuk atau yang membawa kepada kebangkitan popular, kebangkitan tentera, pemberontakan, penentangan, revolusi, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada apa-apa tindakan Keganasan.
- Penyitaan dan pemusnahan di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam.

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

---

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada Kami. Setelah pembatalan dibuat, Anda mungkin berhak mendapat pengembalian premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat tertakluk pada premium minimum yang akan dikekalkan oleh Kami dan tertakluk pada tuntutan yang telah dibuat.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

---

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

## 9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Pakej JMB Elite<sup>®</sup>, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur.  
O +6 03 2058 3000 F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

---

Insurans Property OneFlexi

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 01/06/2024.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

© 2024 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb<sup>®</sup>, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.